# ريستائن

# RISTAAN





## حفل التخرج ك-٢

## اونيۏرسيتي اسلام سلطان شريف علي

## HAFL AL-TAKHARRUJ KE-2

### Universiti Islam Sultan Sharif Ali



**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI WADDIEN, SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

# CANSELOR UNISSA



DULI YANG TERAMAT MULIA PADUKA SERI PENGIRAN MUDA MAHKOTA
PENGIRAN MUDA (DR.) HAJI AL-MUHTADEE BILLAH IBNI KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA
SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH,
MENTERI KANAN DI JABATAN PERDANA MENTERI

**PRO-CANSELOR UNISSA**

# ريستاءن

# حفل التخرج ک-٢

## اونيۏرسيتي إسلام سلطان شريف علي

**Diterbitkan oleh**
Universiti Islam Sultan Sharif Ali
Simpang 347, Jalan Pasar Baharu
Gadong, BE 1310
Negara Brunei Darussalam

**Diterbitkan oleh:**
Universiti Islam Sultan Sharif Ali
Simpang 347, Jalan Pasar Baharu
Gadong, BE 1310
Negara Brunei Darussalam

**Hakcipta Terpelihara © 2012**
Hakcipta Terpelihara. Kandungan buku “Ristaan” yang termasuk maklumat, teks, imej, grafik dan susunannya serta bahan-bahannya ialah kepunyaan Universiti Islam Sultan Sharif Ali kecuali dinyatakan sebaliknya.

**Sidang Pengarang**
Dr Abg Haji Hadzmin bin Abg Haji Taha
Dr Azme bin Haji Matali

**Sidang Editor**
Dr Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani
Dr Siti Sara binti Haji Ahmad

**Reka Bentuk Hiasan Kulit & Khat Jawi**
Ustaz Wan Habib bin Wan Ibrahim
Awang Mohammad Ashadi bin Jaman
Awang Muhammad Hardi bin Sabtu
Awang Mohammed Alias bin Haji Metussin

**Jurufoto**
Awang Muhammad Hardi bin Sabtu
Mohd Zefri bin Haji Besar
Awang Haji Bakhtiar bin Haji Ismail

**Dicetak Oleh:**
Jabatan Percetakan Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

- Sekapur Sirih 1
- Sorotan Ringkas Universiti Islam Sultan Sharif Ali 2-12
  - Titah Penubuhan UNISSA 3
  - Moto, Misi & Visi UNISSA 4
  - Tafsiran Logo UNISSA 5
  - Objektif 6
  - Kenyataan Dasar 7
  - Perkembangan & Pencapaian UNISSA 8
  - *'Oud* UNISSA 12
- Butiran Hafl al–Takharruj Ke-2 UNISSA 13-30
  - Logo Hafl al–Takharruj Ke-2 UNISSA 14
  - *Shi'arat* Hafl al-Takharruj Ke-2 UNISSA 15 -16
  - *Shi'arat* Penulisan Mushaf UNISSA 17
  - Jubah Canselor UNISSA 18
  - Jubah Pro-Canselor UNISSA 19
  - Pakaian Akademik UNISSA 20 -28
  - Reka Bentuk Sijil UNISSA 29-30
- Harapan 31-33
  - Harapan Rektor UNISSA 31-33
    Yang Mulia, Dr Haji Serbini bin Haji Matahir

❖ Fakulti & Pusat 34-46
- Fakulti Bahasa Arab & Tamadun Islam 35-36
- Fakulti Syariah dan Undang-Undang 37-38
- Fakulti Usuluddin 39-41
- Fakulti Perniagaan & Sains Pengurusan 42
- Pusat Penataran Ilmu & Bahasa 43
- Pusat Pengajian Lepas Ijazah & Penyelidikan 44
- Pusat Penyelidikan Mazhab Shāfiī 45
- Hal Ehwal Pelajar 46

❖ Secangkir Pengalaman, Sekilas Pandangan, Segunung Harapan 47-60

❖ Galeri Foto 67-89

❖ Senarai Ahli Jawatankuasa Ristaan Hafl al-Takharruj Ke-2 UNISSA 2012M 96

# *Sekapur Sirih*



بسم الله الرحمن الرحيم

الحمد لله رب العالمين، حمدا يوافي نعمه ويكافئ مزيده، يا ربنا لك الحمد كما ينبغي لجلال وجهك وعظيم سلطانك، اللهم صل وسلم على سيدنا محمد صلاة وسلاما دائمين متلازمين في الأولين والآخرين وفي الملأ الأعلى إلى يوم الدين وعلى آله وصحبه أجمعين.

Kita terus merafa' syukur ke hadrat Allah Subhanahu wa Ta'ala kerana dengan limpah kurniaNya yang berterusan, penerbitan buku Ristaan Hafl al-Takharruj ke-2 Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) 2012 ini sekali lagi berjaya diungkayahkan. Sebagaimana buku Ristaan Hafl al-Takharruj yang pertama, keluaran kali ini juga merakamkan maklumat dan peristiwa penting yang menjadi rujukan masa depan dan tanda kenangan kepada semua yang terlibat menjayakan keberlangsungan UNISSA dan juga kenangan bagi para graduan pada tahun ini. Buku ini merakamkan usaha berterusan UNISSA dalam menanai amanah merealisasikan hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk menjadikan UNISSA mercu kegemilangan Islam yang turut berperanan mengeluarkan ulama dan cendikiawan yang berwibawa yang diperlukan oleh negara. Di samping mengekalkan beberapa kandungan seperti ristaan sebelumnya, ianya ditambah dengan perkembangan yang dicapai dan kegiatan-kegiatan UNISSA pada sepanjang satu tahun terakhir. Buku Ristaan ini juga merupakan satu penghargaan terhadap usaha ikhlas yang berterusan daripada semua pihak dalam sama-sama menanai amanah ilmu dan mewarnai sejarah Negara Brunei Darussalam dengan kesungguhan dalam memartabatkan Islam dan ilmu. Akhirnya, kita yakin bahawa apa jua sumbangan yang telah dihulurkan pasti akan mendapat ganjaran daripada Allah Subhanahu Wa Ta'ala walau apapun natijahnya. Sekian.

والسلام

**Dr Haji Serbini bin Haji Matahir / Md Tahir**
**Rektor**
**Universiti Islam Sultan Sharif Ali**

# SOROTAN RINGKAS

## UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI

# Petikan Titah Penubuhan UNISSA

**11 Syaaban 1427H/5 September 2006M**

*"Beta ingin juga mengulangi di sini, bahawa matlamat kita ialah sebuah pusat pengajian tinggi Islam yang tulen, yang akan menjadi landmark kita di dunia dan juga di akhirat, insya Allah"*

**11 Zulhijjah 1427H/1 Januari 2007M**

*"Maka untuk itu, bertepatan dengan tahun baru 2007, Beta dengan amat sukacita mengumumkan penubuhan sebuah Universiti Islam sebagai universiti kedua di negara ini, universiti tersebut akan dikenali sebagai UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI"*

*"Universiti ini kita hasratkan akan menjadi mercu kegemilangan Islam di negara kita, dan insya Allah, ia akan turut berperanan melahirkan para ulama dan cendekiawan yang berwibawa yang diperlukan oleh negara"*

# Moto, Visi & Misi UNISSA




***"Dan bertaqwalah kamu kepada Allah, nescaya Allah akan mengajar kamu"***

**(Sūrah al-Baqarah: 282)**

## *Visi:*

*Menjadi sebuah Universiti Islam tulen bertaraf antarabangsa yang progresif dan dinamik dengan berteraskan al-Qur'an dan al-Sunnah*

## *Misi:*

*Sebuah universiti bertaraf antarabangsa yang menyediakan program pengajian dan penyelidikan melalui kaedah-kaedah holistik, berteknologi terkini selaras dengan perkembangan dunia untuk melahirkan graduan yang salih, berwibawa dan berharga serta turut menyumbang kepada pembangunan masyarakat dan negara*

# Tafsiran Logo UNISSA

**AL-QURAN**
Sumber Ilmu dan panduan ke jalan yang benar

**PANJI-PANJI**
Melambangkan kedaulatan Negara Brunei Darussalam

**SEGI ENAM**
Melambangkan enam rukun iman dan bentuk perisai menolak kejahatan dan kemungkaran

**SEGI EMPAT**
Melambangkan Kaabah tempat memohon rahmat dan keampunan Allah Subhanahu Wata'ala

**BENTUK BULAT**
Lambang penyertaan dalam kemajuan sejagat

**WARNA PUTIH**
Cahaya menerangi hati dan minda

**WARNA KUNING, PUTIH & HITAM**
Warna Bendera Negara Brunei Darussalam

**WARNA HIJAU**
Melambangkan kesucian agama Islam dan kesuburan alam

**GARIS-GARIS PUTIH**
Lambang kemajuan teknologi maklumat

**NAMA UNIVERSITI (Tulisan Rumi)**

**NAMA UNIVERSITI (Tulisan Arab)**

**TAHUN PENUBUHAN**

# OBJEKTIF



- Menyediakan program pengajian tinggi Islam di peringkat ijazah pertama dan ijazah lanjutan secara teratur dan berkesan bagi menghasilkan pendidikan yang komprehensif untuk melahirkan ulama, sumber tenaga manusia, dan cendekiawan Islam yang berwibawa, syumul, mempunyai jati diri, profesional, berilmu, beramal, berakhlak, dan bertaqwa.

- Meningkatkan kemahiran pengajaran dan keberkesanan pembelajaran, tarbiyyah, penyelidikan dan penerbitan dengan menggunakan teknologi terkini.

- Menggiatkan usaha pengkajian, penyelidikan dan khidmat konsultansi, nasihat serta kepakaran dari perspektif Islam.

- Memberikan pengisian berkesan lagi bermakna kepada Falsafah Negara Melayu Islam Beraja. Khususnya dalam konteks 'Islam' sebagai asas dan tonggak utama kepada falsafah tersebut.



- Menjana dan membantu pembinaan ummah yang berilmu, beriman, beramal, bertaqwa, dan berakhlak mulia berlandaskan aliran Ahli Sunnah Waljamaah dan pengembangan Mazhab Shafi'a.

- Memperkaya khazanah ilmu dan rujukan yang berteraskan Islam dan menyebarluaskan ilmu berkenaan untuk dimanfaatkan oleh masyarakat.

- Selain bermanfaat bagi Negara Brunei Darussalam, dalam jangka panjang, penubuhan Universiti Islam Sultan Sharif Ali juga akan memberi manfaat kepada negara serantau dan antarabangsa melalui pengembangan dakwah Islam di Asia Pasifik.

# KENYATAAN DASAR

- Kenyataan terhadap sumbangan dan komitmen yang perlu diikuti oleh warga universiti untuk mencapai hasrat Visi dan Misi universiti.
- Mendukung Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- Mencapai wawasan Negara Brunei Darussalam 2035.
- Selaras dengan Falsafah Negara, Melayu Islam Beraja' (MIB).
- Patuh kepada perlembagaan dan undang-undang negara.
- Selaras dengan Pelan Pembangunan Negara Brunei Darussalam dan Pelan Strategik Kementerian Pendidikan.
- Mencapai Visi dan Misi universiti.
- Mencapai pelan strategik universiti.
- Berpegang kepada nilai-nilai Islam.
- Iltizam kepada halatuju universiti.



# PERKEMBANGAN DAN PENCAPAIAN UNISSA

Pada hari Khamis, 6 Zulhijjah 1432H bersamaan 03 November 2011M Universiti Islam Sultan Sharif Ali telahpun menempah sejarah kerana menyempurnakan Hafl Al-Takharruj Pertama dengan cemerlang dan jayanya. Kini setelah kurang lebih setahun berlalu, UNISSA tidak putus-putus untuk merakamkan maklumat perkembangan dan pencapaian dalam usaha menaiktaraf dan memartabatkan Islam dan ilmu sebagai wadah mengeluarkan ulama dan cendikiawan yang akan sentiasa bertaqwa dan berusaha dengan gigih serta tekun untuk meningkatkan potensi dan prestasi mereka dalam bidang akademik mahupun ketrampilan peribadi yang luhur.

Selain itu, UNISSA melalui pihak pentadbir dan kakitanggannya juga memainkan peranan penting dalam sama-sama membangun dan memartabatkan UNISSA di persada arus perdana kecemerlangan pendidikan negara.

Selain mempunyai empat buah fakulti dan tiga buah pusat, UNISSA juga mengembangluaskan lagi bidang kepakaran yang dapat menyumbang kepada bertambahnya ilmu pengetahuan sejajar dengan hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan Dan Yang Di pertuan Negara Brunei Darussalam untuk menjadikan UNISSA mercu kegemilangan Islam yang syumul iaitu dengan memperkenalkan dua program; program Diploma Perundangan Islam dan Guaman Syari'e dan program Diploma Kebangsaan Tertinggi Dirasat Islamiyyah.

Sepanjang satu tahun akhir ini, UNISSA telahpun menandatangani Memorandum Persefahaman (*MoU*) dan Memorandum Perjanjian (*MoA*) dengan beberapa buah Universiti/Institusi Pengajian Tinggi serantau, antaranya:

| **Universiti-Universiti MoA dan MoU** | **Tarikh Menandatangan** | **Perjanjian** |
|---|---|---|
| Institut Agama Islam Negeri (IAIN) Gorontalo, Indonesia | 25/11/2011 | MoU |
| Universiti Islam Negeri (UIN) Syarif Hidayatullah, Indonesia | 05/12/2012 | MoU |
| Universiti Gadjah Mada (UGM) Yogjakarta | 08/12/2012 | MoU |
| Universiti Sains Malaysia (USM) | 12/12/2012 | MoU |
| Universiti Sultan Zainal Abidin (UnisZA) | 13/12/2012 | MoU |
| Universiti Putra Malaysia | 08/05/2012 | MoU |
| Universiti Teknologi MARA | 22/05/2012 | MoU |
| Universiti Sains Islam Malaysia | 29/08/2012 | MoA |

# PERKEMBANGAN DAN PENCAPAIAN UNISSA

**Program Pasca-Ijazah Sejarah dan Tamadun Islam**

Bidang Sejarah dan Tamadun Islam merupakan suatu disiplin ilmu yang asas dalam Pendidikan Islam. Di samping penawaran kursus-kursus Sejarah dan Tamadun Islam sebagai kursus wajib universiti di peringkat Ijazah Sarjana Muda, Program Sarjana Muda Sejarah dan Tamadun Islam sendiri juga ditawarkan yang mana baru saja melahirkan graduan sulungnya pada tahun ini 2012. Sehubungan itu juga UNISSA melalui Fakulti Bahasa Arab dan Tamadun Islam terus pro-aktif dengan menawarkan program kesinambungan bidang Sejarah dan Tamadun Islam di peringkat pasca ijazah.

**Sarjana Sejarah dan Tamadun Islam**

Seiring dengan lahirnya graduan sulung Ijazah Sarjana Muda dan program Sejarah dan Tamadun Islam, program Sarjana Sejarah dan Tamadun Islam mula ditawarkan mulai sesi pengajian 2012/2013 dengan matlamat menghasilkan graduan yang mampu membuat kajian ilmiyah dalam bidang Sejarah dan Tamadun Islam yang bukan sahaja mampu mengekalkan kesedaran terhadap penguasaan pengetahuan sejarah dan tamadun Islam, bahkan mampu menerapkan pengajarannya dalam pembentukan peribadi dan hidup bermasyarakat serta bernegara. Program Sarjana Sejarah dan Tamadun Islam ditawarkan dalam dua bentuk iaitu kursus dan disertasi dan juga penyelidikan penuh.

**Doktor Falsafah Sejarah dan Tamadun Islam**

Sebagai kesinambungan daripada program Sarjana Sejarah dan Tamadun Islam, program Doktor Falsafah Sejarah dan Tamadun Islam ditawarkan dalam bentuk penyelidikan penuh. Program ini bermatlamat ke arah menghasilkan pengkaji yang mampu menonjolkan signifikan kegemilangan sejarah dan tamadun Islam serta kaitannya dengan isu semasa dengan mengetengahkan dapatan kajian yang boleh dirujuk dalam menimbangkan isu-isu masyarakat, negara, dan dunia antarabangsa masa kini.

# PERKEMBANGAN DAN PENCAPAIAN UNISSA

## Diploma Perundangan Islam dan guaman Syari'e

**1. Diploma Perundangan Islam Dan Guaman Syari'e (Separuh Masa)**

Pada awal penubuhan, program ini disesuaikan bagi mereka yang berada dalam perkhidmatan dan pengamalan undang-undang. Setelah mengikuti kursus-kursus yang ditawarkan dalam program ini, para graduan akan dibenarkan dan disahkan untuk mengamalkan undang-undang di hadapan mahkamah-mahkamah Syariah tempatan.

Program ini mengandungi 12 buah kursus (36 jam kredit) yang diikuti selama dua tahun (4 semester biasa). Pada semester akhir program ini, para graduan adalah diwajibkan untuk mengambil kursus penempatan dan menghadapkan laporan lapangan. Di samping itu juga, graduan diberi pilihan untuk menulis kertas projek atau mengambil kursus *Siyasah Syar'iyyah* tertakluk kepada gred yang dicapai dalam semester sebelumnya.

**2. Diploma Perundangan Islam Dan Guaman Syari'e (Sepenuh Masa)**

Bermula semester 1 sesi kemasukan 2012/2013, program ini telah dibukakan kepada mereka yang sudah memiliki Ijazah Sarjana Muda yang bersesuaian. Walau bagaimanapun, program sepenuh masa ini adalah ditawarkan kepada mereka yang belum bekerja. Program ini mengandungi 13 buah kursus (39 jam kredit) yang diikuti secara sepenuh masa selama satu tahun (2 semester biasa).

Seperti graduan separuh masa, kursus penempatan dan laporan lapangan adalah diwajibkan bagi graduan sepenuh masa. Graduan sepenuh masa juga diberi pilihan untuk menulis kertas projek atau mengambil kursus *Siyasah Syar'iyyah* tertakluk kepada gred yang dicapai dalam semester sebelumnya.

# PERKEMBANGAN DAN PENCAPAIAN UNISSA

**Diploma KebangsaanTertinggi Dirasat Islamiayyah**

Program ini ditubuhkan untuk membekalkan mahasiswa/wi dengan pengetahuan pengajian Islam secara umum yang mana meliputi pelbagai disiplin ilmu seperti Usuluddin, Syariah, Pengajian Bahasa Arab, Sejarah dan Tamadun Islam termasuk juga Bahasa Arab dan Inggeris. Program ini juga melengkapkan mereka dengan teknik-teknik, latihan, dan aktiviti-aktiviti yang perlu dalam Bahasa Arab. Di penghujung program nanti, mahasiswa/wi akan didedahkan kepada latihan industri untuk menimba pengalaman pekerjaan daripada organisasi-organisasi tertentu.

# ‘OUD UNISSA

| | Mahasiswa / wi | Pencapaian | Acara |
|---|---|---|---|
| 1 | Awang Haji Mohamed Noor bin Haji Ibrahim | Johan Qari | Musabaqah Tilawah al-Quran, Hafazan dan Tafsiran Institusi Pengajian Tinggi Peringkat Serantau. |
| 2 | Dayang Nurasma Bazilah binti Mohd Salleh | Johan Qariah | Musabaqah Tilawah al-Quran, Hafazan dan Tafsiran Institusi Pengajian Tinggi Peringkat Serantau. |
| 3 | Dayangku Hajah Mumtazah binti Pengiran Haji Mohd Jaafar | Naib Johan | Pertandingan Pidato Piala Perdana Menteri Malaysia |
| 4 | Awang Haji Mohd Loqman Al-Hakim bin Haji Hamdan<br>Dayang Rasidah binti Awang Abdul Razak<br>Dayangku Siti Farhana binti Pengiran Haji Yusof | Tempat Ketiga | Pertandingan “2011 Think Big Business Competition” dengan projek e-Takaful |
| 5 | Awang Adi Aismat bin Lamat | Johan | Pertandingan Pidato Sejarah<br>Piala Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan Tahun 2012. |
| 6 | Awang Suhardi bin Haji Mahadi | Tempat Ketiga | Pertandingan Pidato Sejarah<br>Piala Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan Tahun 2012. |
| 7 | Dayang Rasidah binti Awang Abdul Razak | Naib Johan | World Telecommunication & Information Society DayEssay Writing Competition tahun 2012. |

# BUTIRAN
# HAFL AL–TAKHARRUJ
# UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI

# Logo Hafl al-Takharruj ke - 2

حفل التخرج ك-٢

اونيۏرسيتي إسلام سلطان شريف علي

Logo yang dihasilkan merupakan sebuah khat/ kaligrafi Islam yang mengandungi perkataan "Hafl al-Takharruj" dalam Bahasa Arab yang bermaksud "Konvokesyen". Penggunaan istilah Arab itu sendiri menunjukkan betapa Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) sangat menyanjung tinggi kemuliaan bahasa Arab sebagai bahasa al-Qur'an.

Logo ini direka bentuk berdasarkan kaedah khat Diwani Jali yang klasik tetapi diolah susunan dan bentuknya sehingga ia tampil menjadi suatu rekaan yang moden dan dinamik sesuai dengan Visi dan Misi UNISSA.

Nama "Hafl al-Takharruj" itu sendiri dikekalkan dalam tulisan Rumi sebagai nama rasmi konvokesyen UNISSA.

Logo ini digunakan dalam semua bahan cetakan dan paparan yang berkaitan dengan Hafl al-Takharruj ke-2.

# *SHI 'ARAT* HAFL AL-TAKHARRUJ

**_Shi'arat_ Hafl al-Takharruj direka bentuk oleh P.A.Y Architects yang diperbuat daripada kayu jati dan mempunyai ukiran keemasan. Ukiran yang terdapat pada _Shi'arat_ memberi makna dan pengertian seperti berikut:**

## KURSI DAN ALAS KAKI

- **Logo UNISSA diletakkan di bahagian tengah atas kursi sebagai simbolik Canselor UNISSA seorang Sultan yang berdaulat. Logo pada kursi ini lebih besar ukurannya daripada kursi yang lain.**

- **Logo 'Pedang dan Sarung' digelar Pedang Si Bongkok digunakan sebagai simbol kebesaran, kekuasaan, dan perjuangan semangat syiar Islam yang disebarkan oleh Sultan Brunei yang ketiga, Sultan Sharif Ali.**

- **Motif 'PETRA' yang berbentuk sayap, dua di sebelah kiri dan dua di sebelah kanan beserta dengan sepasang sayap yang terletak di sebelah atas memberi pengertian Rukun Islam lima perkara. Reka bentuknya serupa sayap burung juga digunakan di 'PANTARANA' tempat bersemayam Raja pada masa ini.**

- **Reka bentuk yang terdapat di tepi kiri dan kanan kursi berjumlah sebanyak enam batang berbentuk seperti senjata diraja pada zaman dahulu yang dipanggil 'Alamat'. Reka bentuk tersebut juga digunakan di 'PANTARATNA' iaitu tempat bersemayam Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Reka bentuk tersebut memberi makna Rukun Iman enam perkara.**

- **Moto UNISSA dipetik daripada ayat al-Quran melambangkan semangat dan tanggungjawab UNISSA dalam melaksana dan mencapai matlamat untuk melahirkan cendekiawan-cendekiawan yang akan menjamin kehidupan bangsa di masa hadapan berteraskan ajaran al-Quran dan al-Sunnah**

- **Bentuk Bunga Rawai sebanyak dua puluh lapan salinan memberi makna jumlah dua puluh lapan orang Sultan Brunei yang telah memerintah Negara Brunei Darussalam dan bentuk sayap kembar di tengah melambangkan Sultan Brunei yang ke-29, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam**

- **Semua motif, panji-panji dan sayap yang dipaparkan adalah lambang Mahkota Brunei yang masih digunakan di dalam setiap adat istiadat diraja sebagai satu simbol kebesaran, kekuasaan dan peringatan tentang perjuangan semangat syiar Islam di Negara Brunei Darussalam.**

- **Kusyen pada kursi canselor berwarna kuning melambangkan warna kebesaran raja sebagai lambang mendaulatkan kedudukan raja.**

**Semua reka bentuk dan corak *Shi'arat* Hafl al-Takharruj dipadankan dengan corak pada kursi yang menerapkan ciri-ciri Melayu Islam Beraja.**



Kursi Canselor



Alas Kaki



Meja Kecil Canselor



Podium Canselor



Kursi Pro-Canselor



Alas Kaki



Meja Kecil Pro-Canselor



Podium Pro-Canselor

# *SHI'ARAT* PENULISAN MUSHAF UNISSA



Kursi Canselor



Meja & Rehal



Meja Muṣḥaf

# JUBAH CANSELOR UNISSA

Logo UNISSA bagi mencerminkan ketinggian iltizam seorang khalifah terhadap perkembangan menara ilmu



Bunga pada turus kuning Diraja lambang mendaulatkan kedudukan raja disulam dengan motif Bunga Kembang Intan Bertatah dengan gabungan sulaman Bunga Berpagar Bintang diapit dengan Bunga Cendawan mencerminkan kesungguhan seorang pemimpin dalam memperkasa ilmu



Warna hijau simbol warna Islam sebagai lambang harmoni dan semulajadi yang dipadankan dengan corak Truro Damask

Warna kuning adalah warna kebesaran raja sebagai lambang mendaulatkan kedudukan raja yang dihiasi dengan inti hijau yang mencerminkan arus pendidikan yang sentiasa kontemporari dan relevan untuk diaplikasi sepanjang zaman

# JUBAH PRO-CANSELOR UNISSA

Logo UNISSA bagi mencerminkan keprihatinan dan iltizam terhadap perkembangan menara ilmu



Bunga pada turus kuning Simpur lambang putera raja disulam dengan motif Bunga *Kembang Intan Bertatah* dengan gabungan sulaman Bunga Berpagar Bintang diapit dengan Bunga Cendawan mencerminkan kegigihan seorang pemimpin dalam melestari ilmu

Warna hijau simbol warna Islam sebagai lambang harmoni dan semulajadi yang dipadankan dengan corak Chelmsford Damask

Warna kuning adalah warna kebesaran raja sebagai lambang mendaulatkan kedudukan raja yang dihiasi dengan inti hijau yang mencerminkan arus pendidikan yang sentiasa kontemporari dan relevan untuk diaplikasi sepanjang zaman

# PAKAIAN AKADEMIK UNISSA

## JUBAH

JUBAH adalah sejenis pakaian yang sering dikaitkan dengan masyarakat Arab yang tinggal di Timur Tengah. Ini kerana sebahagian negara Arab menjadikan pemakaian jubah sebagai budaya. Menurut Kamus Dewan, jubah ialah baju panjang cara Arab seperti yang dipakai oleh para haji, hakim, dan lain-lain. Para pedagang Arab adalah orang pertama yang membawa dan memperkenalkan pemakaian jubah ke Nusantara. Dalam pada itu, masyarakat di Kepulauan Melayu yang pergi untuk menunaikan ibadah haji dan menuntut ilmu agama ke Maklkah, apabila kembali ke Nusantara, lazimnya mengenakan pakaian jubah. Maka dari situ jubah mula dipakai sebagai pakaian masyarakat Melayu, malahan jubah juga sebagai identiti orang yang memiliki ilmu agama yang tinggi atau alim ulama.

Jubah direka sebagai pakaian akademik Universiti Islam Sultan Sharif Ali sesuai dengan kedudukannya sebagai sebuah universiti Islam tulen yang berhasrat melahirkan ulama dan cendekiawan yang berwibawa yang diperlukan oleh negara.

Reka bentuk jubah adalah bertepatan dengan Visi Universiti Islam Sultan Sharif Ali untuk menjadi sebuah universiti Islam tulen bertaraf antarabangsa yang progresif dan dinamik berteraskan al-Quran dan al-Sunnah.

1. **Warna Hijau**

   Warna hijau pada dasarnya adalah sinonim dengan simbol warna Islam yang menjadi pedoman umat manusia dalam menuntut ilmu. Di samping itu, warna hijau melambangkan kesuburan agama Islam di Negara Brunei Darussalam yang diharapkan akan terus mantap di bawah bimbingan ulama yang berwibawa kelahiran Universiti Islam Sultan Sharif Ali.

   i. **Hijau Pucuk Pisang**

   Jubah akademik dengan warna hijau pucuk pisang ini dipakai oleh Pengerusi Majlis, Timbalan Pengerusi Majlis, Rektor, Ahli Majlis, Ahli Senat, Pendaftar dan Bentara.

   ii. **Hijau Kehitam-hitaman**

   Jubah akademik dengan warna hijau kehitam-hitaman ini dipakai oleh para graduan.

2. **Tenunan**

   Tenunan yang menggunakan benang berwarna kuning keemasan mencerminkan warna kebesaran raja lambang mendaulatkan kedudukan raja sebagai ketua agama Islam di Negara Brunei Darussalam.

**3. *Turus* (Jalur)**

Motif *Bunga Bintang Begalong* disulam pada jubah yang melingkari bahagian belakang sehingga di bahagian hadapan dan seterusnya hingga ke bahagian bawah. Ditambah dengan hiasan *apit* motif *Bunga Berantai Bekait* dan diserikan lagi pada bahagian tepinya dengan *Bunga Bersusun dijalin* erat bagi *m*encerminkan hakikat bahawa menuntut ilmu itu tiada batasan dan penghujungnya. Motif ini juga mencerminkan iltizam Universiti terhadap keilmuan tinggi serta hasrat Universiti untuk mengembangkan ilmu berpaksikan al-Quran dan al-Sunnah di arena antarabangsa. Di samping itu, menunjukkan semangat kebersamaan dan kekitaan dengan matlamat yang satu mendokong falsafah Melayu Islam Beraja demi memantapkan Islam sebagai agama rasmi dengan berpegang kepada aqidah Ahli Sunnah WalJamaah. Motif bercirikan alam ini diserikan lagi dengan *inti* hijau ceria potongan intan yang mencerminkan dan menyerlahkan kewibawaan dalam keterampilan berpendidikan tinggi, beriltizam dalam memupuk budaya pembelajaran, mengaplikasi kepakaran dan memikul tanggungjawab.

**i. Warna *Turus* (Jalur)**

a) **Pengerusi Majlis**: Kain *turus* berwarna kelabu gelap yang digunakan pada jubah Pengerusi Majlis adalah melambangkan kepimpinan dan kewibawaan.
b) **Timbalan Pengerusi Majlis**: Kain *turus* berwarna coklat yang digunakan pada jubah Timbalan Pengerusi Majlis adalah melambangkan ketekunan dan toleransi.
c) **Rektor**: Kain *turus* berwarna merah jambu yang digunakan pada jubah Rektor adalah melambangkan ketegasan dalam kelembutan serta berhemah tinggi.
d) **Ahli Majlis**: Kain *turus* berwarna kelabu cerah yang digunakan pada jubah Ahli Majlis adalah melambangkan amanah dan dinamik.
e) **Ahli Senat**: Kain *turus* berwarna biru ayer lukan (biru kehijau-hijauan) yang digunakan pada jubah Ahli Senat adalah melambangkan ketaatan kepada pemimpin dan fleksibel.
f) **Pendaftar**: Kain *turus* berwarna ungu yang digunakan pada jubah Pendaftar adalah melambangkan ketelusan dan kecekapan.
g) **Bentara**: Kain *turus* berwarna jingga yang digunakan pada jubah Bentara adalah melambangkan keperkasaan dan kesetiaan.
h) **Graduan**: Kain *turus* berwarna hijau yang digunakan pada jubah Graduan adalah melambangkan kecemerlangan dalam bidang pengajian, penyelidikan, dan kesarjanaan.

# PAKAIAN AKADEMIK



Pengerusi Majlis



Timbalan Pengerusi Majlis



Rektor



Ahli Majlis

# PAKAIAN AKADEMIK



Ahli Senat



Pendaftar



Bentara

# PAKAIAN AKADEMIK ( GRADUAN )

Bilangan sulaman turus di sekeliling lengan adalah bagi membezakan tahap kelulusan masing-masing



**Graduan Doktor Falsafah**
*tiga turus*



**Graduan Ijazah Sarjana**
*dua turus*



**Graduan Ijazah Sarjana Muda**
*satu turus*



**Graduan Diploma**
*tanpa turus*

# SONGKOK

Songkok ialah pakaian lelaki untuk menutup kepala yang biasanya diperbuat daripada baldu. Dalam masyarakat Melayu, songkok merupakan sejenis topi tradisional yang dipakai sebagai pelengkap Baju Melayu. Menurut sejarah, penggunaan songkok menjadi kebiasaan rakyat jelata di Kepulauan Melayu sekitar abad ke-13. Songkok dikatakan berasal dari *fez* yang dipakai di Ottoman Turki. Di negara seperti India, Pakistan dan Bangladesh, songkok dikenali dengan nama Rum (topi), dan digunakan sebagai simbol identiti Islam dan menjadi popular dalam kalangan India muslim. Di Indonesia, songkok juga dikenali dengan nama peci. Songkok diiktiraf sebagai salah satu pakaian bangsa Melayu yang disinonimkan dengan simbol identiti Islam dan sebagai pemakaian kepala dalam upacara rasmi.

Setiap rekaan dan pilihan motif adalah bertepatan dengan ideologi Negara Brunei Darussalam iaitu Melayu Islam Beraja.

Adapun warna dan corak motif tenunan pada turus songkok adalah sama dengan yang terdapat pada jubah. Ia hanya berbeza pada jalur songkok para graduan yang bertujuan untuk membezakan tahap kelulusan masing-masing:






i. Graduan Ijazah Doktor Falsafah : Turus berukuran lebar iaitu 4.5 sentimeter
ii. Graduan Ijazah Sarjana : Turus berukuran sederhana iaitu 3.5 sentimeter
iii. Graduan Ijazah Sarjana Muda : Turus berukuran kecil iaitu 2 sentimeter
iv. Graduan Diploma : Tanpa turus

# SABAI

Sabai merupakan sejenis kain yang diletak di sebelah kanan bahu yang lazimnya dipakai oleh para imam. Sabai direka sesuai dengan Misi universiti untuk melahirkan graduan yang soleh, berwibawa dan berharga serta turut menyumbang kepada pembangunan masyarakat dan negara.

Sabai direka sebagai pakaian akademik Universiti Islam Sultan Sharif Ali sesuai dengan kedudukannya sebagai sebuah universiti Islam tulen yang berhasrat untuk melahirkan ulama dan cendekiawan yang berwibawa yang diperlukan oleh negara. Penggunaan Sabai ini mencerminkan bahawa para graduannya bersedia untuk menjadi imam bagi menjana dan membantu ummah yang berilmu, beramal, beriman, bertaqwa dan berakhlak mulia dengan berlandaskan kepada Ahli Sunnah Wa al-Jamaa'ah

Sabai sebagai pelengkap pakaian akademik graduan lelaki yang mempunyai tiga ciri warna:









1. **Warna Asas**

Warna hijau adalah warna asas bagi Sabai graduan lelaki bagi lambangkan kemurnian ilmu yang dituntut dan keluhuran serta keikhlasan dalam menyampaikannya kepada ummah.

2. **Warna Fakulti**

Warna yang digunakan mengikut fakulti masing-masing:

i. Biru : Fakulti Usuluddin
ii. Jingga : Fakulti Bahasa Arab dan Tamadun Islam
iii. Merah Jambu : Fakulti Syariah dan Undang-Undang
iv. Merah : Fakulti Perniagaan dan Sains Pengurusan

3. **Warna Program**

Ciri bagi warna ketiga adalah mengikut program dalam fakulti masing-masing.

# TUDUNG

Tudung ialah penutup kepala yang dipakai untuk menutup aurat perempuan pada bahagian kepala sampai leher dan dada.Tudung menjadi pakaian akademik graduan perempuan bagi menutup bahagian kepala sesuai dengan tuntutan agama Islam yang diwajibkan ke atas setiap muslimah. Firman Allāh Subhanahu Wa Ta'ala dalam Surah al-Nur ayat 31, tafsirannya: "Katakanlah kepada wanita yang beriman: Hendaklah mereka menahan pandangan mereka dan memelihara kemaluan mereka, dan janganlah mereka menampakkan perhiasan mereka kecuali yang (biasa) nampak daripadanya. Dan hendaklah mereka menutup kain tudung ke dadanya"

Setiap rekaan dan pilihan motif adalah bertepatan dengan ideologi Negara Brunei Darussalam iaitu Melayu Islam Beraja. Tudung sebagai pelengkap pakaian akademik graduan perempuan mempunyai tiga ciri warna:

**1. Warna Asas**

Warna krim adalah warna asas bagi tudung graduan perempuan bagi melambangkan kemurnian ilmu yang dituntut dan keluhuran serta keikhlasan dalam menyampaikannya kepada ummah.

**2. Warna Fakulti**

Warna yang digunakan mengikut fakulti masing-masing:

i. Biru : Fakulti Usuluddin
ii. Jingga : Fakulti Bahasa Arab dan Tamadun Islam
iii. Merah Jambu : Fakulti Syariah dan Undang-Undang
iv. Merah : Fakulti Perniagaan dan Sains Pengurusan

**3. Warna Program**

Ciri bagi warna ketiga adalah mengikut program dalam fakulti masing-masing.









# GANDI

Gandi ialah perhiasan kepala seperti yang lazim dipakai oleh pengantin perempuan. Gandi dipakaikan sebagai perhiasan untuk melengkapkan pakaian akademik graduan perempuan bagi melambangkan keazaman serikandi negara Islam yang berkarisma dalam turut sama menyumbang tenaga untuk melestarikan kesucian Islam.

**Gandi Ahli Majlis**:
Gandi dengan kain *turus* berwarna kelabu cerah melambangkan amanah dan dinamik.

**Gandi Ahli Senat**:
Gandi dengan Kain *turus* berwarna biru ayer lukan (biru kehijau-hijauan) melambangkan ketaatan kepada pemimpin dan fleksibel

**Gandi Graduan**:
Gandi berwarna perak yang dilorek dengan lakaran *Rambai* adalah simbol pencetus ilmu kepada generasi seterusnya di samping mengekalkan ciri-ciri tradisi kebruneian. Gandi turut dilengkapi dengan logo universiti melambangkan kesatuan ummah dalam mendokong Visi dan Misi Universiti Islam Sultan Sharif Ali.

Adapun motif tenunan pada turus Gandi adalah sama dengan yang terdapat pada jubah.







# Reka Bentuk Sijil UNISSA




| Features | Descriptions. |
|---|---|
| 1. Anti Copy | The word "salinan" and "copy" will appear when the document is being photocopied. The anti copy feature is used to identify the original from the "copy“. |
| 2. UV Image | This image will only appear whenever it is being exposed under the UV light. |
| 3. Hologram | Hologram is the multi-dimensional image which is very popularly used to authenticate original document. The hologram is built in with beautiful designs and complicated lines/patterns. |
| 4. Guilloche | Guilloche designs is used to prevent easy duplication of the document and at the same time provide beautiful "artwork" to enhance the look of the document. |
| 5. QR Code | The data being stored in this QR image is being highly protected from being altered. |
| 6. Serial Number | Each document is being pre-printed with unique serial number. |
| 7. Verification | Text verification through internet site. |

2

1




| Features | Descriptions. |
|---|---|
| 1.Anti Copy | The word "salinan" and "copy" will appear when the document is being photocopied. The anti copy feature is used to identify the original from the "copy“. |
| 2.Guilloche | Guilloche designs is used to prevent easy duplication of the document and at the same time provide beautiful "artwork" to enhance the look of the document. |

# HARAPAN

# Harapan Rektor UNISSA

بسم الله الرحمن الرحيم



Yang Mulia
Dr Haji Serbini bin Haji Matahir / Md Tahir
*Rektor UNISSA*

Saya berdoa kepada Allah agar terus memberi hidayah dan kekuatan dalam memimpin Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) bersama dengan tenaga tadbir yang lain memikul dan menjinjing amanah Islam dan hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan mengharapkan keredhaan Allah.

Dalam keghairahan negara-negara membangun tidak terkecuali sebahagian institusi di negara-negara Islam sibuk mengejar kemajuan Barat, ketika institusi-institusi tercari-cari arah pendidikan dan dalam kebingungan mencari halatuju ke Timur dan ke Barat serta meletakkan diri sendiri di posisi sebagai pengikut dan pengejar di belakang sesebuah institusi yang lain, di dalam pertumbuhan dan perkembangan teknologi canggih yang menyilaukan fikiran, UNISSA tetap tegak sesuai dengan aspirasi bangsa ke arah tujuan yang jelas menjadi mercu kegemilangan Islam yang bukan hanya setakat di dunia yang sementara ini malahan sampai ke alam akhirat yang kekal nanti.

Bagi mengekalkan keunggulan ini besarlah harapan saya agar para mahasiswa UNISSA akan terus menimba ilmu baik semasa bergelar mahasiswa mahupun setelah menamatkan pelajaran formal di UNISSA. Setiap ilmu dan akhlak yang dipelajari hendaklah dipakai dan dimanfaatkan untuk menampung keperluan negara, sentiasa diamalkan secara istiqamah di mana pun mereka berada hingga sampai ke akhir hayat.

Untuk itu, para tenaga akademik diharap akan terus mencurahkan ilmu dan bimbingan kepada mahasiswa di kampus khasnya dan kepada masyarakat amnya melalui penerbitan bahan bacaan, ceramah dan seminar disamping tetap terus belajar untuk meningkatkan diri, menjalankan kajian berterusan sesuai layaknya amalan para ulama.

# Harapan Rektor UNISSA

Sebagaimana diharapkan agar para anggota pentadbiran terus gigih dan sentiasa ingat halatuju UNISSA dalam mengutarakan pelbagai pandangan dan teguran pembaikan serta menjalankan amanah dengan baik serta bersatu padu menghala ke arah tujuan yang sama. Ada kalanya cara kita mungkin kelihatan sedikit berbeza namun diharapkan ianya tidak lari dari aspirasi bangsa dan tidak akan menjejaskan Misi UNISSA malahan dapat memperkayakan dan mewarnai kegemilangan Islam di Negara Brunei Darussalam yang kita cintai ini.

Mungkin saja UNISSA kurang sesuai pada pandangan sebahagian golongan, namun apa yang kita lakukan adalah berlandaskan iman dan ilmu Islam. UNISSA terus menggunakan pendekatan Islam yang bersifat syumul dan seimbang dan keperluan dunia dan akhirat. UNISSA akan terus mengekal dan mempertahankan tradisi ilmu Islam tetapi tidak jumud atau statik dan dalam masa yang sama juga mengambil kira perubahan zaman. Kita menghargai kaedah pembelajaran warisan para ulama dan menggunakan teknologi semasa sebagai wasilah yang boleh saja berubah mengikut keperluan, kesesuaian dan kemampuan selama mana ianya boleh membantu mencapai tujuan yang jelas.

Para ibu bapa dan masyarakat boleh memahami misi suci UNISSA yang bukan singkat setakat di dunia sahaja akan tetapi lebih jauh dan suatu yang pasti. Masyarakat Brunei terutama umat Islam dipercayai dapat melihatnya dengan kacamata iman dan taqwa bagi memahami Islam agar ianya tidak lagi disalah ertikan sebagai pelengkap tetapi merupakan asas dalam kehidupan individu, bermasyarakat dan bernegara.

